

'NATURE TRAIL RUN' 2017

LARIAN MENGHAYATI ALAM SEMULAJADI



PAUH PUTRA, 2 Disember - Hampir 500 peserta menyertai 'Nature Trail Run' anjuran Pusat Sukan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Malaysia Event & Printing (MEP) di Kompleks Sukan Syed Sirajuddin Areeb Putra, di sini.

Larian yang menyusuri laluan alam semulajadi sekitar Kampus Alam UniMAP itu dilancarkan pelepasannya oleh Pengerusi Perbadanan Putrajaya, Dato' Seri Hasim Ismail pada jam 7.30 pagi. Turut hadir Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof Dr Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Prof Madya Dr Mohd Foad Sakdan, Pengarah Pusat Sukan Suhizaz Sudin serta ketua-ketua jabatan UniMAP.

Acara terbuka lelaki 12 kilometer (km) berjaya diraih Muhammad Firdaus Abdul Rashid dengan catatan masa 47' 21" 05 manakala di tempat kedua berjaya disandang Mohd Khairul Anuar Md Yasin catatan dan Ku Aliff Aiman di tempat ketiga.

Acara terbuka wanita 12km dimenangi Siti Fatimah Abdul Karim dengan catatan 1 jam 11' 12", tempat kedua Masitah Shamsudin manakala tempat ketiga Izeeda Kamarudin. Bagi acara lelaki junior veteran diperolehi Abdul Rahman Mahamud dengan catatan masa 49' 08" 91s, tempat kedua disandang Mohd Zuki Wahab serta tempat ketiga oleh Rosli Naina Mohd.

Manakala acara lelaki veteran diperolehi Kang Chee Hin dengan catatan masa 56' 33" 94, kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) lelaki dimenangi Muhamad Fakhharudin selain kategori IPT wanita diraih Nur Syazwani Abdul Rashid.

Pemenang tempat pertama kategori masing-masing membawa pulang RM350 bagi acara terbuka lelaki, terbuka wanita, junior veteran lelaki, veteran lelaki selain RM300 tempat pertama masing-masing bagi kategori IPT lelaki dan IPT wanita. Selain enam acara berkenaan, turut diadakan acara 5 km Fun Run terbuka yang turut disertai peserta kanak-kanak.

Sempena larian itu, turut diadakan cabutan bertuah yang menawarkan mesin basuh sebagai hadiah utama.